

5

KUALITI KEUSAHAWANAN USAHAWAN SISWAZAH

Shamsul Huda Abd Rani dan Mohd Sufli Yusof

Konsep kualiti keusahawanan menjadi semakin penting memandangkan fakta bahawa manusia tidak bersetuju antara satu sama lain dari segi pendapat, minat dan tindak balas terhadap penciptaan peluang (Rani, Kamil & Rani, 2017; Alam, Islam, Khan & Obaidullah, 2011; Kuip & Verheul, 2003). Menurut Kuip dan Verheul (2003), kualiti keusahawanan merupakan asas untuk memupuk tingkah laku keusahawanan seseorang pada masa hadapan. Cara seseorang bertindak balas dengan keadaan bergantung kepada keperibadiannya. Fakta ini disokong oleh Rani dan Siohong (2014) serta Cotton dan Gibb (2008) yang menegaskan bahawa, dengan memiliki kualiti keusahawanan, para usahawan dapat menyumbang dan mengatasi perubahan sosial dan ekonomi yang pesat. Kajian terhadap kualiti keusahawanan adalah penting dari segi maklumat berharga yang relevan untuk individu, orang awam dan institusi (Jaume, 2010). Ilmu pengetahuan tentang kualiti keusahawanan juga dapat membantu dalam menambah pengetahuan tentang kejayaan keusahawanan. Kajian terdahulu mendapati kebanyakan kegagalan perniagaan disebabkan oleh kekurangan kualiti keusahawanan (Raduan, Kumar & Yen, 2006). Ini menjelaskan mengapa kualiti keusahawanan menjadi faktor utama dalam kajian keusahawanan (Kuip & Verheul 2003; Litunen, 2000). Kualiti keusahawanan sebagai sebahagian daripada mutu pembangunan modal insan telah menjadi elemen kritis dan asas bagi pembangunan negara (Hashim, 2008).

KONSEP KUALITI KEUSAHAWANAN

Usahawan merupakan individu yang mempunyai nilai, sikap dan keperluan yang unik yang mendorong dan membezakan seseorang individu dengan individu lain (Koh, 1996). Peranan usahawan melibatkan mewujudkan dan memulakan firma baru, yang dilihat sebagai keputusan individu dan bergantung kepada penggerak di belakang usahawan (Shepherd *et al.*, 2000; Tuckman, 2008). Adalah dipercayai bahawa kualiti tertentu diperlukan untuk menjadi seorang usahawan; oleh itu perhatian diberikan kepada penyelidikan mengenai kualiti keusahawanan (Rani, Kamil & Rani, 2017; Littunen, 2000). Proses keusahawanan tidak akan menjadi kenyataan jika kualiti keusahawanan, sifat personaliti dan tingkah laku tidak hadir (Hill, Gowan & Drummond, 1999). Model kualiti keusahawanan telah dibangunkan oleh Guzman dan Santos (2001). Model tersebut menunjukkan hubungan menyeluruh antara antededen dan kesan terhadap kualiti keusahawanan. Elemen motivasi dan tingkah laku penguat merupakan dua komponen utama dalam kualiti keusahawanan.

Dalam aliran pemikiran keusahawanan, Cunningham dan Lischeron (1991) menyatakan terdapat enam pendekatan pemikiran tentang keusahawanan. Pendekatan tersebut adalah (i) keusahawanan, (ii) keistimewaan psikologi keusahawanan, (iii) keusahawanan klasik, (iv) pengurusan keusahawanan, (v) kepemimpinan keusahawanan dan (vi) keusahawanan dalaman. Penyelidikan mengenai kualiti keusahawanan kebanyakannya mengikuti aliran pemikiran pertama dan kedua (Sambasivan & Yuzliani, 2009). Namun begitu sumber-sumber rujukan lain menyatakan bahawa kualiti keusahawanan terdiri daripada pendekatan tertentu termasuk ciri-ciri psikologi yang digabung menjadikannya suatu aliran pendekatan pemikiran tentang keusahawanan. Kebanyakan kajian menggunakan aliran pemikiran psikologi keusahawanan. Aliran pemikiran keusahawanan ini menekankan fakulti intuitif seseorang yang hebat untuk mengenali peluang dan membuat keputusan yang sesuai. Aliran pemikiran keusahawanan ini percaya bahawa para usahawan mempunyai nilai, keperluan dan sikap yang unik kepada mereka. Ianya membezakan usahawan bukan usahawan